

NAM mesti berani bersuara: Abdullah

Pengaruh pergerakan boleh corakkan semula sistem antarabangsa

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) mesti terus berani bersuara dalam isu membabitkan kepentingan dan kebimbangan negara anggota tanpa rasa takut atau pilih kasih, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi NAM menegaskan pergerakan yang dianggotai 114 negara itu juga tidak boleh kekal statik atau reaktif, sebaliknya harus dinamik serta bergerak mengikut peredaran masa supaya sentiasa relevan sebagai forum bagi negara membangun.

"Kita hidup dalam zaman ketidak-tentuan dan perubahan. Konsep dan doktrin baru diterima kita, antara lain termasuk penerimaan terhadap campur tangan kemanusiaan, tanggungjawab untuk melindungi dan tindakan awal melancarkan perang.

"Semua ini memberikan cabaran terhadap konsep yang diterima secara tradisi dan sejagat yang termaktub dalam Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Kita patut menentang dengan keras sebarang cubaan untuk menghakikannya," katanya dalam ucapan pada perasmian Mesyuarat Menteri-menteri Biro Penyelarasan NAM (NAM-CoB), di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Semua wakil 114 negara anggota hadir termasuk kira-kira 104 negara yang menghantar Menteri atau Timbalan Menteri masing-masing.

Ini adalah mesyuarat terakhir NAM yang dipengerusikan Malaysia sebelum menyerahkan jawatan itu kepada Cuba pada Sidang Kemuncak NAM ke-14 di Havana, September depan. Malaysia menjadi Pengerusi NAM sejak 2003 selepas mengambil alih daripada Afrika Selatan.



Abdullah berkata, NAM harus menegaskan peranan dan menggunakan pengaruh keanggotaannya yang besar untuk mencorakkan semula sistem antarabangsa yang terbaik bagi melindungi dan menggalakkan kepentingan bersama dalam rangka asas 'multilateralisme' atau pelbagai hala.

"Kini wujud kecenderungan untuk mengambil tindakan satu pihak dalam hubungan antarabangsa. Kita melihat kecenderungan mengambil tindakan di luar lingkungan PBB ini, berlaku apabila kebenaran Majlis Keselamatan gagal diperoleh.

"Aliran ini, jika dibiar berterusan, akan melemahkan kuasa majlis itu dan menyebabkan ia tidak relevan seperti keanggotaan PBB yang lain.

"Oleh itu penting bagi kita menentang aliran sedemikian dan mempertahankan prinsip yang terkandung dalam Piagam PBB," katanya.

Sambil memuji NAM yang secara umumnya bersatu dalam pelbagai perkara penting, beliau bagaimanapun



UCAPAN PEMIMPIN: Abdullah menyampaikan ucapan pada perasmian Mesyuarat Menteri-menteri Biro Penyelarasan NAM (NAM-CoB), di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

pun berkata pergerakan itu ada kala tidak dapat menggunakan sebaik mungkin pengaruh keanggotaan yang besar bagi manfaatnya.

Abdullah berkata dalam membatik blok Utara, NAM harus memastikan negara membangun tidak terus dipinggirkan.

"Keprihatinan dan suara kita mengenai isu yang penting bagi kita, hendaklah dibangkitkan dan diperdengarkan kepada pertubuhan yang kaya dan berkuasa seperti G-8," katanya.

“ Penting bagi kita mempertahankan prinsip yang terkandung dalam Piagam PBB”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Beliau juga menegaskan banyak tindakan kuasa besar dalam kempen memerangi keganasan, jelas melanggar undang-undang antarabangsa dan norma perlakuan yang beradab, malah menyebabkan keganasan antarabangsa semakin berleluasa.

Dalam memerangi keganasan, semua aspek masalah, termasuk isu kritikal iaitu punca perkara itu mesti ditangani dan dilakukan dalam kerangka undang-undang antarabangsa tanpa sikap memilih dan berat sebelah.